

Produk kesihatan beracun RM1.7 juta dirampas

➔ Kementerian arah henti jualan, edar serta-merta stok dalam simpanan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan merampas produk kesihatan dicampur palsu, disyaki tidak berdaftar dan bahan mentahnya mengandungi racun yang bernilai keseluruhan RM1.7 juta.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata rampasan itu dibuat menerusi operasi pada 5 Mac lalu oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi ke atas 16 premis di Selangor dan Kuala Lumpur selepas mendapat laporan serta maklumat orang awam.

Katanya, produk disyaki adalah Cala Huala, Cala Plus, ATC Herbs, SBS Miracle Herbs, MR, Candy B+, Soloco dan Catuaba, mengandungi racun yang disyaki, iaitu Tadalafil, Ibuprofen, Tetracycline HCL, Chloramphenicol, Dexamethasone, Cholorphenirame, Clarithromycin dan Lovastatin.

Menerusi satu kenyataan semalam, beliau berkata, pihaknya turut merampas bahan mentah yang disyaki mengandungi sibutramine (ejen pelangsing) serta tadalafil (bahan perangsang seks) dan semua ba-

rang rampasan disiasat lanjut mengikut Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952/

“Bagi produk kesihatan tidak berdaftar, kes disiasat mengikut Akta Jualan Dadah 1952 yang jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM25,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama untuk individu dan denda sehingga RM50,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan berikutnya.

“Bagi syarikat, boleh didenda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama, sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya. Bagi produk kesihatan dicampur palsu dengan racun berjadual, kes disiasat mengikut Akta Racun 1952 dan jika sabit kesalahan, individu atau syarikat boleh didenda sehingga RM3,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya,” katanya.

Produk beri kesan mudarat

Beliau mengingatkan mereka yang mempunyai stok produk berkenaan agar menghentikan penjualan, pengedaran atau penggunaannya serta-merta kerana ia boleh menyebabkan kemudatan terhadap kesihatan dan meningkatkan kesan sampingan kardiovaskular seperti serangan jantung dan strok.

“Orang awam dinasihat tidak menggunakan produk campur palsu dan produk tidak berdaftar dengan kementerian. Orang awam juga boleh menyemak status pendaftaran sesuatu produk melalui laman <http://npra.moh.gov.my/> atau menghubungi Bahagian Regulatori Farmasi Negara di 03-



Orang awam dinasihat tidak menggunakan produk campur palsu dan produk tidak berdaftar dengan kementerian”

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah
Kementerian Kesihatan

78835400,” katanya.

Katanya, laporan dan maklumat pula boleh disalurkan kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi melalui laman <https://www.pharmacy.gov.my> atau portal Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA) di alamat <https://moh.spab.gov.my>, Cawangan Penguatkuasa Farmasi berdekatan atau melalui 03-78413200.

Dalam perkembangan lain, Kementerian Kesihatan merancang memperkenalkan teknologi kecerdasan buatan (AI) da-

lam sektor penjagaan kesihatan di negara ini, sejajar kepesatan Revolusi Industri 4.0, kata Menteri, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Guna AI kesan denggi

Berucap pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018 kementerian itu semalam, beliau berkata, pihaknya sedang berbincang dengan pakar dalam dunia teknologi AI untuk meneroka cara mengoptimumkan rantaian bekalan perkhidmatan di fasiliti kementerian itu.

“Baru-baru ini, saya menyebut mengenai penggunaan AI untuk mengesan wabak denggi. Selain itu, kita akan menggunakannya dalam pelbagai perkara lain, terutama menangani masa menunggu (di fasiliti kesihatan) yang lebih kronik. Bagaimanapun, AI tidak dapat ganti kecerdasan manusia, ia tidak memberi sebab (kepada persoalan), tetapi hanya memberi jawapan,” katanya.

Dr Dzulkefly juga berharap pelaksanaan Sistem Rekod Perubatan Elektronik (EMR) dapat direalisasikan secepat mungkin bagi memudahkan pemindahan dan perkongsian maklumat pesakit dengan doktor hanya perlu menggunakan telefon bimbit dan telefon bimbit, menggantikan rekod perubatan tradisional yang sepenuhnya bergantung kepada penggunaan kertas.

Selain itu, katanya, beliau akan melancarkan inisiatif *Ideas That Matter* tidak lama lagi, yang akan memberi peluang kakitangan kementerian mengemukakan idea baharu bagi meningkatkan kecekapan pengurusan sumber dan operasi kementerian.